

## **Sistem Panggilan dalam Hebahan di Sekolah: Suatu Realiti Penggunaan Kesantunan Berbahasa**

Melor Fauzita Md. Yusoff<sup>1\*</sup>, Maizatul Azura Yahya<sup>1</sup>, Nor Hasimah Ismail<sup>1</sup> dan Noor Shapiza Salleh<sup>1</sup>

*Jabatan Pengajian Bahasa Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara, Malaysia.*

### **ABSTRAK**

Kesantunan berbahasa merupakan salah satu agenda penting dalam prinsip Rukun Negara Malaysia. Pengiktirafan kepentingannya terserlah melalui prinsip kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Amalan murni ini sememangnya wajar diaplikasikan oleh seluruh anggota masyarakat khasnya dan tidak terkecuali dunia pendidikan amnya. Kertas kerja ini akan meneliti penggunaan kesantunan berbahasa di sekolah dalam konteks hebahan yang dilakukan oleh warga sekolah. Kesantunan berbahasa dalam hebahan adalah penting kerana keperibadian penuturnya terpancar semasa ujaran dibuat dalam sebarang bentuk hebahan sama ada hebahan secara terancang mahupun spontan. Tidak dinafikan, institusi pendidikan terutamanya sekolah sering menjadi salah satu ‘penanda aras’ bagi anak didik dan masyarakat sekeliling untuk menilai kredibiliti para pendidik khasnya dari aspek kesantunan berbahasa. Oleh hal demikian, hebahan yang dibuat di sekolah perlulah dikaji untuk melihat sama ada sesuatu maklumat atau mesej yang disampaikan turut mementingkan aspek kesantunan berbahasa atau tidak. Tumpuan kajian hanya akan melibatkan penggunaan sistem panggilan yang digunakan dalam hebahan yang dibuat. Perbincangan dilakukan secara deskriptif kualitatif berdasarkan Amat Juhari Moain (1992), Awang Sariyan (2007) dan Asmah Hj. Omar (1980). Dapatkan mendapat, setiap hebahan yang dibuat menggunakan bahasa yang bersantun. Penghebah sangat mementingkan aspek kesantunan berbahasa khasnya melalui pemilihan penggunaan sistem panggilan yang sesuai. Dalam hal ini, penghebah sedar penggunaan bahasa yang santun perlu dititikberatkan tidak kira semasa berkomunikasi secara formal atau tidak formal demi mendidik warga sekolah ke arah menggunakan bahasa yang bersopan santun sesuai dengan kehendak Rukun Negara di samping merealisasikan agenda pendidikan negara untuk melahirkan masyarakat yang antara lain berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

**Kata Kunci:** Kesantunan Berbahasa, Sistem Panggilan, Hebahan, Sekolah, Komunikasi Formal.

### **PENGENALAN**

Kesantunan bermaksud perihal sifat santun, kesopanan, kehalusan budi bahasa dan budi pekerti. Hebahan dirungkaikan sebagai sesuatu yang dihebahkan melalui berita, pengumuman dan siaran untuk makluman umum. Lantaran itu, kesantunan berbahasa dalam hebahan secara literalnya

---

\*Koresponden: [fauzita@uum.edu.my](mailto:fauzita@uum.edu.my)

dapatlah disimpulkan sebagai adab atau tatacara berkomunikasi dengan penuh tertib, berlandaskan norma dan nilai yang telah ditetapkan dan diterima pakai dalam kalangan masyarakat untuk menguar-uarkan mengenai sesuatu perkara atau maklumat kepada orang lain. Kesantunan berbahasa dalam hebahan penting diteliti kerana keperibadian penuturnya terpancar semasa ujaran dibuat. Institusi pendidikan terutamanya sekolah sering menjadi ‘penanda aras’ bagi anak didik dan masyarakat sekeliling untuk menilai kredibiliti para pendidik. Keadaan ini termasuk juga perihal kesantunan bahasa yang digunakan. Sebagai pusat pendidikan, sepatutnya sebarang hebahan terutamanya melalui sistem pembesar suara yang dibuat di sekolah haruslah mempunyai nilai kesantunan yang tinggi agar apa yang diucapkan menjadi contoh dan teladan kepada seluruh warga sekolah. Penelitian terhadap perkara ini perlu dilakukan kerana tahap kesantunan berbahasa dalam kalangan warga Malaysia semakin membimbangkan apabila ‘Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni’ terpaksa memasuki fasa kedua dan berlanjutan hingga ke hari ini.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah

- i. mengenal pasti penggunaan kesantunan berbahasa sistem panggilan melalui hebahan di sekolah.
- ii. menganalisis penggunaan tahap kesantunan berbahasa sistem panggilan melalui hebahan di sekolah.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian dilakukan menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis teks. Hebahan yang dilakukan di SMK XXX Alor Setar sama ada secara terancang ataupun secara spontan telah ditranskripsi dan di analisis menggunakan pendekatan oleh Amat Juhari Moain (1992), Awang Sariyan (2007) dan Asmah Hj. Omar (2000). Pendekatan yang diperkenalkan oleh pakar-pakar bahasa ini amat sesuai untuk menjelaskan perihal penggunaan kesantunan berbahasa hebahan di sekolah. Metod yang bersesuaian digunakan dalam proses menganalisis dan memadankan data kajian. Model Kesantunan Asmah (2000) dipilih kerana peraturan bahasanya mampu untuk menjadi kayu ukur berdasarkan kesantunan asas dan berkendala yang diketengahkan. Huraian dapatan kajian dipersembahkan secara deskriptif.

## **BATASAN KAJIAN**

Bersesuaian dengan kajian ini, data kajian diperolehi daripada sumber hebahan yang telah dibuat di SMK XXX Alor Setar sahaja. Dengan kata lain, data hanya melibatkan sebuah sekolah sahaja. Hebahan yang kaji melibatkan hebahan yang dibuat melalui sistem pembesar suara yang boleh digunakan dari masa ke masa tanpa ada halangan daripada pihak pentadbir. Masa kajian ini melibatkan mulanya hari persekolahan dari jam 7.00 pagi hingga jam 2.40 petang setiap hari persekolahan selama 30 hari persekolahan sahaja.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kesantunan berbahasa dalam hebahan disekolah merupakan suatu yang penting untuk diketengahkan. Keadaan ini bagi membantu pihak berkaitan mengambil tanggungjawab sosial

masing-masing dalam memartabatkan penggunaan kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat. Hal ini termasuklah penggunaan kata ganti nama diri dan gelaran yang diujarkan. Kesalahan penggunaan dua kategori sistem panggilan ini walaupun nampak remeh namun memberi impak yang besar kepada kelangsungan komunikasi antara penutur dan khalayak pendengar. Berikut adalah dapatan penggunaan kesantunan berbahasa melalui kata ganti nama diri dan gelaran dalam hebahan yang dilakukan di sekolah.

### Kata Ganti Nama Diri

Penggunaan KGND dan kesantunan berbahasa merupakan elemen penting yang perlu diaplikasikan secara bersama. Dalam situasi formal seperti hebahan di sekolah, KGND yang sepatutnya digunakan ialah saya, awak, kamu, mereka, dan lain-lain yang sesuai dengan masa, tempat dan khalayak pendengar. Adalah tidak wajar sekiranya KGND aku dan kau atau KGND berdasarkan dialek kawasan seperti cek, depa, hampa, teman, deme dan lain-lain digunakan. Berikut adalah contoh penggunaan KGND yang digunakan dalam hebahan di sekolah:

- i. Assalamualaikum dan salam sejahtera, **saya** mewakili pihak...
- ii. Perhatian, **pihak pentadbir** mengucapkan ribuan terima kasih...
- iii. Perhatian kepada semua pelajar, **pihak sekolah** ingin...
- iv. Perhatian kepada semua KRS, **anda** dikehendaki memakai uniform lengkap pada hari Rabu ini.
- v. Satu lawatan penanda aras akan tiba sebentar lagi dari SMK XXX. **Mereka** akan mengadakan lawatan ke PSS sekolah dan...
- vi. Satu ceramah motivasi akan diadakan selepas waktu rehat hari ini. **Beliau** akan memberi ceramah tentang ...

Berdasarkan contoh yang diberikan, ia jelas menunjukkan penggunaan KGND yang sesuai dengan konteks dan khalayak penerimanya. Keadaan ini menunjukkan kesantunan asas telah diaplikasikan oleh penghebah ketika melakukan hebahan. Namun sebagai seorang yang mementingkan kesantunan berbahasa, dapatan mendapat penghebah juga berusaha meningkatkan tahap kesantunannya dengan memilih bahasa yang sesuai mengikut kendala-kendala tertentu seperti taraf peranan orang yang bercakap, di mana atau dalam keadaan bagaimana percakapan berlaku, apa dan mengapa percakapan itu berlaku serta cara percakapan itu disampaikan. KGND saya, pihak pentadbir, pihak sekolah, anda, mereka dan beliau yang digunakan dalam contoh di atas menunjukkan bahawa penghebah memilih bahasa yang bersantun ketika melakukan hebahan. Penghebah tidak menggunakan KGND yang kasar dalam konteks rasmi seperti aku, hang, kau, dia dan lain-lain yang sepertinya. Umum mengetahui bahawa sekolah merupakan tempat yang menjadi contoh teladan kepada anak didik, maka wajarlah bahasa yang santun digunakan untuk mendidik mereka secara tidak langsung mengenai bahasa yang patut dan tidak patut digunakan mengikut situasi tertentu.

### Gelaran

Gelaran juga merupakan satu aspek penting dalam penilaian kesantunan berbahasa. Amat Juhari Moain (1989), mengatakan bahawa sistem panggilan dalam bahasa Melayu kini lebih halus dan kompleks. Banyak perubahan telah berlaku dari hari ke hari mengikut peredaran masa. Walaupun begitu, apa yang pasti, gelaran atau rujukan kehormat perlu diperhalusi ketika menggunakan. Ini kerana, penggunaannya amat penting bagi mencerminkan tahap kesantunan berbahasa seseorang dan sejauh mana seseorang itu ‘tahu berbahasa’. Berikut merupakan contoh penggunaan gelaran dalam hebahan yang dilakukan di sekolah:

- i. Ceramah akan disampaikan oleh **Tuan Haji** Yusoff bin Ahmad, beliau akan menyampaikan seramah bertajuk...
- ii. ...satu lawatan daripada **Tuan PPD**. Sepanjang lawatan beliau, pihak sekolah menasihati pelajar...

Berdasarkan contoh yang diberikan, ia jelas menunjukkan penggunaan gelaran yang sesuai oleh penghebah di sekolah. Pemilihan sapaan dan gelaran yang sesuai telah meletakkan tahap kesantunan berbahasa yang digunakan daripada sekadar kesantunan asas kepada kesantunan berkendala. Penghebah telah mengambil kira kendala-kendala yang sepatutnya diterapkan oleh seorang pengguna bahasa yang bersopan santun. Penerapan nilai kesantunan berbahasa yang tinggi dalam hebahan mampu menjadi teladan kepada semua warga sekolah dan penduduk sekitarnya selari dengan tujuan hebahan dilakukan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan bahawa kepentingan kesantunan berbahasa dalam hebahan disekolah tidak boleh dipandang remeh. Sekolah merupakan satu medium penyebaran ilmu yang tekal. Lantaran itu, penekanan aspek kesantunan berbahasa yang tinggi dalam kalangan warga sekolah sangatlah dituntut agar modal insan kelas pertama dapat direalisasikan. Penyisipan dan pengaplikasian asas kesantunan berbahasa perlu terus ditingkatkan. Penekanan penggunaan bahasa yang betul dan tepat bukan sahaja perlu dari segi tatabahasa tetapi juga perlu disematkan aspek sosio budaya didalamnya. Sudah terang lagi bersuluh setiap hebahan yang dibuat di sekolah ini mempunyai etika kesantunan yang tinggi yang boleh dijadikan pedoman kepada pelajar serta menjadi ‘penanda aras’ bagi sekolah-sekolah sekitarnya mencontohi serta turut mengamalkan kesantunan dalam berbahasa.

\* Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada geran FRGS kod SO 13244

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (2007). Kesantunan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Persatuan Linguistik*, Jilid 8, 1-19.
- Abdul Mu'a'ti @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Kajian dan Perkembangan bahasa Melayu*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan santun bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang sariyan. (2011). Pembudayaan Bahasa dan Pembentukan Rupa Bangsa. Dalam Arba'ie Sujud, Adi Yasran Abbul Aziz, Ahmad Yusoff Buyong & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Peny.). *Linguistik dan pembudayaan bahasa Melayu*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori analisis & interpretasi data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Idris Aman. (2010). *Analisis wacana*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan (edisi keempat). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Nor Anuar. (2007). *Sinergogi bina upaya insan global*. Selangor Darul Ehsan. Dawama Sdn. Bhd.
- Noor Aina Dani (Ed). (2007). *Pengantar psikolinguistik*. Selangor Darul Ehsan Sasbadi Sdn.Bhd.
- Slobin, D.I. (1992). *Ilmu psikolinguistik. (2<sup>nd</sup> Ed)*. (Ton Ibrahim, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon, Ahmad Fuad & Mohd Nur Hafizudin. (2011). Kesantunan berbahasa dalam kalangan remaja. *Jurnal Bahasa*, 11(2), 321-345.

